

Lelaki juga bawa HPV

» Kesedaran suntikan vaksin **lindungi diri**
daripada kanser servik

B/H 7/9/12 M S H

Kanser atau barah pangkal rahim sering dikaitkan dengan wanita. Kebanyakan responden yang disoal selidik pasti dengan yakin mengemukakan wanita penyebab utama kanser servik tanpa mengetahui bahawa lelaki juga berperanan sebagai pembawa virus human papilloma atau HPV.

Menyerang tanpa had termasuk usia, bangsa, jantina dan keturunan, kanser servik sinonim dengan wanita disebabkan masalah kecelaruan akibat takut akan kehilangan peranakan.

Biarpun diselubungi ketakutan namun, baik lelaki mahupun wanita masih lalai dan gagal mengutip pendidikan kesihatan seksual yang betul termasuk langkah pencegahan menangani masalah penyakit HPV.

Ambil remeh

Pakar Ginekologi dan Onkologi, Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), Profesor Dr Woo Yin Ling berkata, orang Melayu terutamanya, sering kali mengambil remeh tanda awal jangkitan kelamin seperti ketuat genital (condyloma acuminata), timbul kelopak mirip bunga kubis pada vulva atau bibir alat sulit, kecairan keputihan terlampau, pendarahan ber-

lebihan pada vagina mahu pun Vain (kanser vagina).

Ia disebabkan faktor sosial iaitu penyakit membabitkan alat kelamin masih taboo dan tidak dibicarakan secara terbuka.

"Ada lebih 100 jenis HPV yang berpunca daripada jangkitan berterusan peringkat tinggi sekali gus menyebabkan risiko pelbagai peringkat kanser seperti kanser vagina (jenis 16), ketuat genital (6 dan 11) dan kanser servik daripada jenis 16 dan 18.

"Kepekaan awal mampu membendung HPV, meningkatkan taraf kesihatan penduduk sekali gus menjalani kehidupan seksual lebih baik dan terjamin," katanya ketika

ditemubual, BH Ahad.

Berbicara mengenai tanda awal kemunculan ketuat genital, Prof Woo berkata, masyarakat perlu sedar bahawa pertumbuhan tidak normal pada kulit adalah punca ia muncul semula dan mudah berjangkit menerusi sentuhan dalam beberapa minggu atau tiga bulan saja.

Ketuat genital

Berdasarkan laporan anggaran Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), 32 juta kes baru membabitkan ketuat genital dilaporkan setiap tahun dengan peratusan tertinggi dalam kalangan lelaki dan wanita berusia antara 18 hingga 28 tahun.

Kajian terhadap 166 respon-

den antarabangsa merangkumi lelaki dan wanita membabitkan isu ketuat genital menunjukkan pesakit mengalami masalah kemurungan, malu, dan kurang berminat dalam aktiviti seks masing-masing.

Pelbagai jenis rawatan moden boleh dilakukan bagi mengatasi masalah ini pembedahan, pembekuan, laser, membakar mahupun penggunaan losyen dan cecair namun, pesakit ketuat genital perlu membuka minda mereka dengan berjumpa doktor bagi merawat masalah dihadapi. Dianggarkan 25 peratus ketuat genital berkeungkinan timbul kembali dalam tempoh tiga bulan kemudian. Justeru, pesakit



“

ADA LEBIH 100 JENIS HPV YANG BERPUNCA DARIPADA JANGKITAN BERTERUSAN PERINGKAT TINGGI SEKALI GUS MENYEBABKAN RISIKO PELBAGAI PERINGKAT KANSER SEPERTI KANSER VAGINA (JENIS 16), KETUAT GENITAL (6,



FAKTA NOMBOR

30 jenis

HPV boleh menjangkiti genital

90 peratus

Sistem imun semula jadi badan akan menghapuskan jangkitan HPV dalam tempoh dua tahun

630 juta

Dijangkiti HPV seluruh dunia

80 peratus

Wanita akan dijangkiti HPV menjelang usia 50

50 peratus

Pesakit jangkitan HPV adalah remaja aktif seksual berusia antara 15 hingga 24

tidak boleh hanya menjalani sekali saja rawatan sebaliknya mengadakan rawatan susulan dari semasa ke semasa.



**HINGGA 11)
DAN KANSER
SERVIK DARI-
PADA JENIS 16
HINGGA 18"**

Dr Woo Yin Ling

*Pakar Ginekologi dan
Onkologi, Fakulti
Perubatan Universiti
Perubatan (UM)*


- ⊙ **Dua kategori HPV** iaitu jenis 16, 18, 31 dan 45 (tinggi) berisiko menyebabkan kepelbagaian kanser termasuk kanser servik.
- ⊙ HPV jenis 6 dan 11 menyebabkan ketumbuhan **bukan kanser seperti ketuat genital.**
- ⊙ **Jangkitan HPV 6 dan 11 dari ibu kepada anak** yang baru lahir menyebabkan 'papilomatosis respirasi berulang' iaitu penyakit lesi benigna (tidak berkanser) dalam salur pernafasan yang menyebabkan suara serak dan sukar bernafas. Bagaimanapun, situasi ini jarang berlaku.
- ⊙ **WHO menganggarkan**

HPV menyebabkan 10 juta lesi gred tinggi pada servik dan 30 juta lesi gred rendah pada servik.

⊙ Ujian tambahan kolposkopi dan biopsi berfungsi mengesan perubahan prakanser dan **kanser sekiranya hasil ujian Pap Smear adalah abnormal.**

⊙ Jangkitan HPV biasanya disebabkan aktiviti seks pada usia muda, jangkitan akibat aktiviti **seksual seperti Herpes simplex virus dan Chlamydia atau kerap hamil.**

⊙ Ujian saringan **Pap smears penting bagi mengesan peringkat**





“
**PELALIAN HPV
MENCEGAH
JANGKITAN
HPV DAN
MENGU-
RANGKAN
RISIKO KANSER
SERVIK, VAGINA,
VULVA DAN KE-
TUAT GENITAL
PADA WANITA
SERTA MEN-
GURANGKAN
JANGKITAN KE-
TUAT GENITAL
PADA LELAKI”**

Margaret Stanley
Pakar Biologi Epitheli-
um, Jabatan Patologi,
Universiti Cambridge

Periksa **tiga kali** setiap tahun

Bagi Pakar Biologi Epitheli-
um, Jabatan Patologi, Uni-
versiti Cambridge, Profesor
Margaret Stanley, suntikan
vaksin HPV adalah langkah
mudah menangani masalah
kanser servik.

Katanya, penting bagi
lelaki dan wanita mengam-
bil suntikan berkenaan bagi
melindungi diri dan aktiviti
seks mereka sekali gus meng-
urangkan peratusan jangkitan
HPV di negara Asean.

“Pelalian HPV mencegah
jangkitan HPV dan mengu-
rangkan risiko kanser servik,
vagina, vulva dan ketuat
genital pada wanita serta
mengurangkan jangkitan
ketuat genital pada lelaki.
Wanita mendapatkan pelalian
perlu lebih kerap menjala-
ni ujian Pap Smear,” katanya.

Lebih berhati-hati

Wanita muda perlu lebih
berhati-hati menjaga kesih-
atan seksual kerana peng-
hidap kanser servik diseb-
abkan terdedah jangkitan
HPV ketika usia remaja dan
20-an.

Kanser servik adalah
kedua paling kerap menyeb-
abkan kematian wanita
Malaysia selepas kanser
payudara. Di dunia, kanser
servik yang kedua melanda
wanita berusia antara 15
hingga 44 tahun dengan
anggaran enam individu

disahkan kanser servik dan
dua mati akibat penyakit
ini setiap hari. Pemeriksaan
ujian Pap Smear secara kerap
boleh mengesan kanser
servik bagi individu yang
sudah berkahwin.

Bendung masalah

Perunding Ginekologi dan
Onkologi (O&G) merangkap
Presiden Persatuan O & G
Malaysia, Dr Suresh Kuma-
rasamy, melihat potensi
pemeriksaan tiga kali setiap
tahun dapat membendung
masalah jangkitan kanser
servik.

Katanya, tiada rawatan
untuk HPV namun, ada cara
bagi merawat penyakit itu.

“Potensi jangkitan HPV
pada lelaki juga tinggi.
Malah, 50 peratus lelaki yang
aktif aktiviti seksual akan
dijangkiti HPV genital dalam
tempoh hayat mereka dan
10 peratus akan mendapat
ketuat genital.

Sentuhan genital

“Kondom boleh mengu-
rangkan risiko penyebaran
namun tidak melindungi
sepenuhnya,” katanya.

Lelaki perlu sedar bahawa
HPV disebarkan menerusi
sentuhan genital malah,
berisiko mengakibatkan
kanser pada bahagian badan
lain seperti kepala, leher,
dubur mahupun zakar.



“
**LELAKI PERLU
SEDAR BAHAWA
HPV DISEBAR-
KAN MENERUSI
SENTUHAN GE-
NITAL MALAH,
BERISIKO ME-
NGAKIBATKAN
KANSER PADA
BAHAGIAN BA-
DAN LAIN SE-
PERTI KEPALA,
LEHER, DUBUR
MAHUPUN
ZAKAR.”**

**Dr Suresh
Kumarasamy**
Perunding Ginekologi
dan Onkologi (O&G)
merangkap Presiden Per-
satuan O & G Malaysia



INFO

awal kanser serviks, biarpun tidak dapat mengesan semua kanser pada peringkat pasca kanser.

⊙ **Risiko mendapat kanser servik adalah lima kali** lebih tinggi pada wanita yang tidak menjalani ujian saringan secara berkala.

⊙ **Pelalian HPV** memberikan jaminan perlindungan terbaik dan paling lama daripada kanser servik dan virus punca kanser.

⊙ Malaysia menjadi **negara pertama di Asean yang menawarkan suntikan pelalian HPV** sebagai satu bentuk pelaburan jangka panjang.

